

Pasangan kembar jadi mahasiswi baru UTHM

BATU PAHAT - Pasangan kembar antara penuntut baru Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memasang impian untuk bergelar jurutera pada masa akan datang.

Nur Nadhira dan Nur Nadiah Ahmad Fauzi, 22, memilih mengikuti jurusan Kejuruteraan Awam di universiti berkenaan.

Nur Nadhira berkata, pada mulanya dia mendapat tawaran melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) Sedang, namun membuat rayuan untuk menyambung pengajian ke UTHM bersama kembarnya.

Menurutnya, sejak kecil,

dia tidak boleh berpisah dengan adik kembarnya dan turut bertekad untuk sama-sama mengejar cita-cita serupa.

"Kami membuat keputusan menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UTHM kerana sangat serasi dan lebih suka belajar bersama," katanya kepada Sinar Harian pada pendaftaran pelajar baru UTHM, di sini, semalam.

Bagi Nur Nadiah pula, kehadiran kakak kembar menjadi inspirasi baginya menggapai kejayaan pada masa akan datang malah mengharap impian mereka bersama akan tercapai.

Jelasnya, sebelum ini mereka mendapat anugerah de-

kan secara bersama dan kali ini turut berazam untuk mengulangi kejayaan itu di UTHM serta mahukan yang terbaik.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Pengurusan Akademik UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman berkata, pengambilan pada tahun ini berlaku peningkatan sebanyak 500 penuntut.

"Tahun lalu, jumlah pengambilan penuntut adalah sebanyak 2,300 orang, manakala kali ini sebanyak 2,800 orang.

"Peningkatan ini berlaku apabila kita mewujudkan lima program baru di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan," katanya.



Nur Nadhira dan Nur Nadiah antara mahasiswi baru yang mendaftar di UTHM, semalam.